

PH perlu *move on* daripada kerjasama dengan Dr Mahathir

SHAH ALAM - Angkatan Muda Keadilan (AMK) mengesakan agar Pakatan Harapan (PH) untuk *move on* daripada episod kerjasama dengan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Ketuanya, Akmal Nasrullah Mohd Nasir berkata, gabungan itu perlu sedar bahawa penglibatan Ahli Parlimen Langkawi itu hanya cuba menunggang jenama *grand coalition* atau gabungan besar pembangkang.

Menurutnya, ia juga sekadar strategi pecah dan perintah yang sering digunakan oleh Dr Mahathir tetapi strategi berkepanjangan telah lapuk.

“Amat tidak masuk akal sekiranya ulang siar strategi lapuk ini yang mampu memperdaya dan memecah belah kesepaduan dan kesepakatan PKR dan PH,” katanya menerusi satu kenyataan pada Jumaat.

Gesaan dibuat Akmal Nasrullah itu susulan daripada kenyataan Dr Mahathir pada Khamis bahawa beliau tidak akan percaya lagi dengan apa yang diperkatakan oleh Pengerusi PH, Datuk Seri Anwar Ibrahim berhubung beliau mempunyai jumlah majoriti.

Dr Mahathir berkata, ia dapat dilihat dengan janji dibuat oleh Anwar bahawa beliau akan meletakkan jawatannya sebagai Ketua Pembangkang

di Parlimen sekiranya tidak mempunyai majoriti.

Akmal Nasrullah yang merupakan Ahli Parlimen Johor Bahru turut menasihati Dr Mahathir agar bermuhasabah atas sikapnya yang sering berbolak-balik terhadap janji yang telah disepakati menjelang Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14).

“Kenyataan dikeluarkan oleh Dr Mahathir semasa majlis anjuran Parti Pejuang Tanah Air (Pejuang) terhadap Anwar dilihat tiada yang mengejutkan malah menyerlahkan hakikat keterdesakan politik beliau.

“Amat malang apabila majlis yang sepatutnya digunakan oleh Dr Mahathir untuk menerangkan tentang hala tuju partinya dijadikan sebagai platform untuk menyerang Anwar,” katanya.

Akmal mendakwa, sikap yang ditunjukkan Dr Mahathir seolah-olah kewujudan Pejuang hanya semata-mata ingin menafikan kewibawaan Anwar sebagai Ketua Pembangkang dan Pengerusi PH.

“Walhal baru-baru ini Anwar sekali lagi mengulangi keterbukaan beliau untuk bekerjasama dengan mana-mana pihak asalkan pihak tersebut boleh menerima syarat dan prinsip perjuangan PH serta meninggalkan segala sikap dan kebobrokan lama,” katanya.